Objektif program adalah untuk mempromosikan dan mengintegrasikan pendidikan



STEM dalam aktiviti bilik darjah UAE melalui pengetahuan asas Arduino.

Dr. Suriati yang juga Penasihat Persatuan Guru Pendidikan STEM Malaysia, berkata bahawa guru-guru UAE memerlukan aktiviti praktikal STEM agar mereka dapat menghubungkan kandungan sukatan pelajaran berkaitan STEM yang mereka pelajari setiap hari.

"Sebagai contoh, guru boleh menghubungkan bagaimana cahaya dan warna berfungsi menggunakan spektrofotometer Arduino asas, suatu peranti yang

dapat menjelaskan frekuensi sesuatu sumber cahaya tertentu," katanya.

Sementara itu, Dr. Haslina, yang merupakan pemudahcara/fasilitator program, berkata para guru turut mendapat inspirasi untuk menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari semasa latihan untuk meningkatkan pembelajaran pelajar di UAE dengan menggunakan papan Arduino untuk membuat projek mini mereka sendiri atau untuk inovasi sekolah pada masa depan.

Pengerusi IEEE CAS, Suhaidi Shafie, memuji usaha

yang memberi peluang kepada guru untuk menyaksikan sendiri keindahan pembelajaran sains melalui Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dalam kehidupan seharian mereka.

Dr. Ahmad Subhi Kayed Amaireh, wakil Pembangunan dan Perundingan dari Cambridge, berkata kandungan latihan menunjukkan bahawa pembelajaran sains dan mata pelajaran lain berkaitan dengan STEM boleh menjadi seronok dan sangat menarik. - UPM



# UPM - Malayan Flour Mills tingkat industri ayam broiler

Oleh Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 13 Ogos - Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Malayan Flour Mills Berhad sebagai permulaan kepada kerjasama antara Malayan Flour Mills Berhad dan UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata melalui MoU itu, Malayan Flour Mills bersetuju membiayai sistem rumah tertutup untuk ayam broiler kepada Jabatan Sains Haiwan, Fakulti Pertanian.

“Kos pembinaan sistem rumah tertutup ini dianggarkan RM500,000. Kerja asas rumah ayam yang tertutup itu kini sedang berjalan dan akan selesai menjelang akhir tahun ini,” katanya.

Beliau berkata, kerjasama itu akan membantu UPM mencapai matlamat untuk meningkatkan Perkhidmatan Rangkaian Industri dan Komuniti, serta mengukuhkan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Unggas.

“Penyelidikan yang dijalankan oleh pakar UPM dengan industri melalui program kerjasama juga akan membantu industri menyelesaikan masalah mereka di lapangan.

UPM sentiasa mencari kolaborasi strategik dengan industri tempatan dan



antarabangsa,” katanya.

Pengarah Urusan MFM, Teh Wee Chye berkata UPM mempunyai kepakaran dalam sektor ternakan yang komited untuk membantu meningkatkan pengeluaran dan kualiti broiler, yang selaras dengan matlamat Malayan Flour Mills Berhad.

“Malayan Flour Mills Berhad akan menyediakan tiga biasiswa penuh untuk tiga pelajar Sains Haiwan bermula September 2019 untuk mengikuti sub-pengkhususan dalam pengeluaran ayam di Arkansas University selama satu tahun,” katanya.

Majlis itu turut dihadiri oleh Pengerusi MFM, Tan Sri Arshad Ayub dan Dekan Fakulti Pertanian

Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi.

Sementara itu, kerjasama antara UPM dan MFM bermula dengan lawatan wakil-wakil Malayan Flour Mills ke UPM awal November 2017.

Ia diikuti dengan lawatan ke University Arkansas, Amerika Syarikat yang turut membincangkan mengenai penyelesaian masalah pengeluaran ayam jangka panjang dalam pelbagai aspek penting ekonomi seperti pengurusan, pemakanan, kualiti bahan mentah (untuk makanan), pemprosesan hiliran produk broiler, kesejahteraan penternakan ayam dan pengkomposan kotoran ayam. - UPM



## UPM - HUG Projects PLT pupuk kesedaran alam sekitar

Oleh Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 20 Ogos - Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Hugs PLT memeterai surat hasrat kerjasama bagi memupuk kesedaran alam sekitar dan khidmat masyarakat sebagai langkah permulaan untuk menjalinkan kerjasama bagi mengadakan program Associating Media in Education for Environmental Sustainability (AMEES).

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris berkata kerjasama itu menonjolkan UPM sebagai institusi awam pertama di Malaysia mengintegrasikan media ke dalam pendidikan untuk menyampaikan kesedaran alam sekitar dan pembangunan mampan kepada pihak berkepentingan utamanya.

“AMEES berfungsi sebagai program pendidikan dan penyelidikan dengan memasukkan elemen media dalam pendidikan untuk menyampaikan kesedaran kemampan alam sekitar.

“Dengan menggunakan cara yang sesuai untuk menyampaikan mesej pendidikan, ia boleh membentuk dunia esok yang

lebih baik dengan melengkapkan masyarakat dengan pengetahuan untuk hidup dan bekerja dengan cara yang mampan bagi mengekalkan alam semula jadi,” katanya.

Media juga berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan saintis pemuliharaan dengan berjuta-juta orang di seluruh dunia, katanya sambil menjelaskan bahawa setiap langkah kecil dapat membawa perubahan besar kepada masyarakat.

“Dengan mengintegrasikan media, ia merupakan satu alat pendidikan yang berguna untuk menyampaikan kesedaran alam sekitar kepada generasi muda mengenai kepentingan alam sekitar dan pelbagai cara untuk melindunginya,” katanya.

Pengarah HUG Projects PLT, Mark Lee See Teck pula berkata HUG Projects PLT adalah platform bercerita digital pertama di Malaysia yang memberikan tumpuan kepada subjek alam sekitar dengan menyalurkan objektif panggilan untuk bertindak kepada penontonnya ke arah kesedaran alam sekitar dan penglibatan khidmat masyarakat.

“HUG projects adalah pentas

yang mempromosikan ideologi ‘Making a Positive Environmental Change’ dengan kekuatan media yang telah menghasilkan strategi cerita berinteraksi yang tersendiri kepada penontonnya dengan cara yang berkesan, di mana fakta-fakta masih diperolehi dan ia menarik minat kepada pihak berkepentingan utamanya,” katanya.

Beliau berkata, media adalah alat yang berguna dan sering diabaikan kepentingannya sebagai alat pemuliharaan alam sekitar serta boleh menjadi alat melahirkan motivasi dan pendidikan yang berkesan.

Sementara itu, UPM sebagai universiti penyelidikan diberi tugas menerajui Sustainable Development Goals (SDGs) yang telah menjadi agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang 2030.

Tujuan bentuk pembangunan itu adalah untuk mewujudkan hubungan yang stabil antara aktiviti manusia dan dunia semula jadi, dengan tidak mengabaikan prospek generasi masa depan. - UPM

## Program Gigpreneur terap unsur keusahawanan di sekolah

Oleh Hendra Rijal

SERDANG, 13 Sept - Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan program Pemeriksaan Kompetensi Keusahawanan Gigpreneur menerusi inisiatif *Guided Action Coaching* bagi menerapkan unsur pendidikan keusahawanan di sekolah.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata program hasil gabungan kepakaran daripada Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM), UPM, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) dan Pusat Transformasi Komuniti Unversiti (UCTC) diilhamkan berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh kumpulan penyelidikan UPM.

“Program ini yang bernaung di bawah Program Pemindahan Ilmu UPM dapat merangsang guru dan pelajar supaya mempraktikkan gaya pengajaran dan pembelajaran sendiri yang mampan tanpa unsur paksaan dan bantuan luar,” katanya.

Beliau berkata inisiatif itu adalah salah satu cara universiti menyalurkan ilmu kepada komuniti.

“Pihak universiti sedar bahawa kecemerlangan dalam penyelidikan juga harus diperluaskan untuk membangunkan masyarakat ke arah pencapaian pembangunan lestari serta trend terkini cabaran pendidikan global,” katanya.

Projek Pendidikan



keusahawanan itu yang dijalankan bermula 4 April lalu diketuai Prof. Madya Dr. Sridar Ramachandran dan membabitkan 36 pelajar Tingkatan 4, dan enam guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Banting (SMKBB).

Selain penglibatan pihak UPM dan sekolah, program itu juga menerima pelbagai sokongan daripada pihak korporat antaranya World Institute For Action Learning dan ComPas MTC Malaysia

Pelajar yang menyertai program itu melalui lapan fasa pembelajaran sendiri (heutagogi) atau coaching berbanding kaedah pedagogi atau teaching selama enam bulan dengan bertujuan menguasai minda keusahawanan.

Dalam enam bulan pelaksanaannya, hasil program ini telah memberi input yang positif dalam kalangan pelajar melalui kaedah *Guided Action Coaching* hasil aspirasi Datuk Indera Ridzwan Abdullah.

Beliau juga mengilhamkan istilah ‘Gigpreneur’ dalam

program itu bertujuan memberi inspirasi kepada generasi Z untuk memiliki sifat daya tahan terhadap dunia VUCA (*Volatile, Uncertain, Complex, Ambiguous*).

Pengetua SMKBB, Siti Asnah Ahmad berkata inisiatif itu merupakan satu kejayaan dan telah membentuk barisan dan lapisan kepimpinan dalam kalangan pelajar.

“Hari ini kita melihat kejayaan dari satu sudut, iaitu melahirkan keusahawanan dalam kalangan pelajar tapi yang lebih membanggakan ialah lahirnya pelajar berkeyakinan dalam kalangan anak murid,” katanya.

Pelajar SMKBB, Nur Syahirah Abdul Ghani, 16, berkata program itu memberikan beliau pendedahan dan pengetahuan baharu mengenai keusahawanan.

“Saya mendapat pelbagai ilmu baharu serta platform untuk memupuk semangat dan membina keyakinan diri untuk menjadi usahawan dalam bidang fesyen di masa akan datang,” katanya. - UPM

## i-MeX PKU percepat daftar pelajar baharu

Oleh Azman Zakaria

SERDANG, 6 Ogos - Sistem pemeriksaan kesihatan i-MeX (In House Medical Check Up Express) Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bukan sahaja mempercepatkan urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu, malah dapat mengenalpasti lebih awal pelajar yang bermasalah kesihatan untuk tindakan susulan yang akan dapat membantu pelajar dan universiti, di samping memelihara maklumat kesihatan pelajar dan kerahsiaannya.

Selain menjimatkan masa ketika proses pendaftaran kemasukan pelajar, sistem yang dibangunkan oleh PKU Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Projek Pengurusan Lean itu berjaya menjana pendapatan PKU dan UPM, selain menjimatkan penggunaan sumber manusia dan kos sumber manusia kerana kurangnya keperluan staf untuk bekerja lebih masa.

i-MeX mula dilaksanakan sebagai projek perintis (pilot project) pada 2016 semasa pendaftaran kemasukan kira-kira 1,000 pelajar asasi dan berjaya meningkatkan tempoh proses pemeriksaan kesihatan kepada satu minggu berbanding sebulan sebelumnya.

Semua maklumat dan butiran yang diperlukan juga dapat diseragamkan selain data yang lengkap dapat diperolehi pada hari yang sama.

Inovasi sistem i-MeX ini merangkumi Anugerah Emas pada



Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah (RTE) 2018 bagi Wilayah Tengah yang disertai oleh 63 agensi kerajaan dan swasta. Ia dianjurkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Ketua kumpulan yang membangunkan i-MeX, Dr. Suhyna Mohamad Sulaiman berkata, pelaksanaan sistem itu bukan sahaja memudahkan PKU dan Universiti tetapi juga pelajar, kerana ia melancarkan proses pendaftaran kemasukan pelajar baharu ke UPM.

Katanya, sebelum i-MeX dilaksanakan, semua staf PKU perlu keluar ke semua 17 kolej bagi menguruskan perihwal borang pemeriksaan kesihatan sama ada yang lengkap atau tidak lengkap bagi kira-kira 3,000 pelajar prasiswazah, yang turut menyebabkan Universiti perlu membayar elaun kerja lebih masa staf termasuk pada waktu cuti umum untuk melaksanakan tugas itu.

Dr. Suhyna yang juga Ketua Perkhidmatan Pesakit Luar PKU berkata, pada masa yang sama banyak maklumat dan dokumentasi yang tidak lengkap

diterima seperti tiada laporan atau filem X-ray dan ujian air kencing yang tidak lengkap.

Katanya, ia menyebabkan PKU terpaksa mengenalpasti dan memanggil semula pelajar berkenaan bagi melengkapkan proses berkenaan, yang sedikit sebanyak mengganggu kehadiran pelajar ke kuliah kerana perlu mengulang semula ujian diagnostik itu.

“Melalui pemeriksaan in-house i-MeX ini, dokumentasi akan menjadi cantik serta seragam, tambahan pula melalui pra-pendaftaran e-daftar, pelajar perlu mengisytiharkan status kesihatan mereka. Ini sekaligus dapat membantu PKU mengenalpasti mereka yang perlu mendapatkan perhatian perubatan dengan segera sebelum mereka tiba di UPM.

“Kita akan membuat pemeriksaan kesihatan dan jika pelajar dikesan menghidapi sesuatu penyakit, kita akan memberi pandangan dan maklumat kepada fakulti dan kolej untuk tindakan yang selanjutnya bersesuaian dengan keadaan kesihatan

> Lihat muka 7





## SOAP K16 berkampung di Kapit

Oleh Nur Aqilah Azlan

**KAPIT** – Majlis Tertinggi Mahasiswa (MTM) Kolej Enam Belas, Universiti Putra Malaysia berkunjung ke Kapit, Sarawak untuk menjalankan Society Awareness Program (SOAP) Ke Bumi Kenyalang baru-baru ini. SOAP Ke Bumi Kenyalang ini menjadikan Rumah Panjai Nanga Banyau Balleh di daerah Kapit sebagai destinasi pilihan.

SOAP menfokuskan kepada pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat dan mahasiswa mengenai kepelbagaian cara hidup, budaya serta agama, dan ia merupakan program berterusan yang telah dijalankan di beberapa lokasi berbeza.

Pengarah program, Nur Aqilah Azlan berkata pemilihan Kapit sebagai lokasi program mencapai objektif memberi kesedaran dan perkongsian ilmu melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama penghuni rumah panjang.

Katanya, para pelajar sangat gembira sepanjang program bersama masyarakat kerana dapat menimba banyak pengalaman baharu di samping berkenalan dengan masyarakat rumah panjang.

Peserta program Nor Raihan Ramli berkata, perjalanan SOAP ke Bumi Kenyalang ke Kapit agak mencabar kerana menggunakan pelbagai jenis pengangkutan.

“Kami memulakan perjalanan dengan penerbangan ke Sibu yang mengambil masa kira-kira sejam setengah, dan kemudian 45 minit perjalanan dengan Grabcar ke Sibu Wharf Terminal, perjalanan tiga jam ke Kapit menaiki bot ekpress menyusuri Sungai Rajang sebelum menaiki van selama 45 minit, dan diikuti 5 minit menaiki perahu untuk sampai ke Rumah Panjai Nanga Banyau Balleh” katanya.

Ketibaan pelajar di rumah panjang disambut dengan upacara ‘miring’ yang dilakukan bersempena dengan Majlis Penutupan Gawai dan Majlis Perasmian SOAP ke Bumi Kenyalang.

Sepanjang majlis, pelajar berpeluang mencuba adat resam kaum Iban seperti tarian ngajat mengelilingi ‘ranyai’ dan upacara ngiling bidai (menggulung tikar) sebagai tanda berakhirnya perayaan dan bersedia menempuh tahun baru.

Majlis diserikan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelagus, Wilson Nyabong Anak Ijang yang turut merasmikan jambatan besi baharu untuk kemudahan ke Sekolah Nanga Mujong.

Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang berkampung di rumah panjang. Slot Kenali Kapit memberi peluang kepada pelajar untuk melakukan aktiviti “ngabang” iaitu

berkunjung ke rumah panjang lain.

Melalui slot Selusuri Bumi Hijau Kenyalang pula, aktiviti mencari siput di Sungai Banyau dan menangkap lokan telah dijalankan bersama masyarakat tempatan. Slot Rasa Sayang Malaysia pula dijalankan dengan rawang dan perkongsian juadah dari semenanjung dan Sarawak iaitu ikan pansuh, ayam pansuh, lokan bakar dan sambal belacan dari Kapit manakala dari semenanjung ialah asam pedas, kerabu magi, kueh onde-onde dan manisan puteri mandi.

Sambutan Salam Lebaran juga diadakan bersama penghuni di rumah panjang. Pelbagai juadah hari raya dihidangkan seperti ketupat, lemas, kuah kacang, nasi impit, kuah lodeh yang di masak sendiri oleh para pelajar serta biskut raya yang dibawa dari semenanjung. Kanak-kanak di rumah panjang turut menerima duit raya.

Turut diadakan ialah program bersama-sama kanak-kanak yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Nanga Mujong.

Guru SK Nanga Mujong, Cikgu Muhamad Fadzlan Saaidin, berkata pelajar sangat gembira menerima lawatan dan teruja menjalankan aktiviti seperti Kids Expression, Language Sharing (English and Malaysian ‘Loghat’), dan Kids Appreciation.

## Karnival Jom Sains rangsang minat pelajar

Oleh Dr. Yap Wing Fen

**SERDANG** – Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Karnival Jom Sains bagi merangsang dan memupuk minat masyarakat terhadap sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang berpotensi menjamin masa depan generasi muda serta ekonomi negara.

Program itu yang merupakan inisiatif Fakulti Sains UPM dan Majlis Profesor Negara dengan penglibatan UPM STEM serta beberapa agensi luar termasuk Petrosains, Zoo Negara, Young Scientist Network-Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM), Malaysia Nature Society (MNS) menarik minat lebih daripada 60 sekolah rendah dan menengah dari seluruh negara.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman berkata, karnival itu merupakan satu platform terbaik bagi para akademik dan mahasiswa bertemu masyarakat di samping keseronokan ilmu sains yang dapat merangsang percambahan idea ke arah melahirkan generasi muda yang celik sains dan inovatif.

“Kajian mendapati pelajar mempunyai persepsi bahawa pembelajaran mata pelajaran sains amat sukar dan membosankan, dan kurang sokongan keluarga menyebabkan kepada penurunan



peratusan pelajar yang mementingkan mengikuti aliran sains.

“Aktiviti karnival sains sebegini diperlukan untuk terus merangsang dan memupuk minat pelajar terhadap STEM. Lebih penting adalah peranan ibu bapa untuk bersama-sama dengan anak-anak menerokai aktiviti sains yang mampu mendorong kepada minat dan pemilihan aliran sains,” katanya.

Melalui karnival ini juga, katanya, aktiviti pengayaan ilmu dan idea baharu serta teknik pedagogi sains terkini dapat diberikan kepada guru-guru agar sesi pembelajaran dan pengajaran sains di sekolah lebih interaktif dan mengujakan para pelajar.

Karnival itu hasil kerjasama warga fakulti iaitu antara pensyarah

fakulti yang diketuai oleh Pensyarah Kanan UPM, Dr. Yap Wing Fen, dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains (terdiri daripada Kelab Mahasiswa Fizik, Kimia, Matematik dan Biologi) yang diketuai oleh Mohd Anaz Syazreil.

Yap berkata, selain pameran dan aktiviti di dewan, pengisian karnival itu ialah cabaran luar dewan yang berkonsepkan sains, pertandingan video sains, komunikasi sains, olimpiad, aktiviti interaktif seperti pembedahan katak dan forensik yang berkonsepkan fizik.

“Program ini juga mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai kesedaran sains dan tanggungjawab yang tinggi terhadap komuniti dan masyarakat setempat,” katanya.

## ‘Science Exploration Day’ suntik minat murid prasekolah

Oleh Noor Aida Shaheera Zulkafli

**SERDANG, 26 Julai** – Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program ‘Science Exploration Day 2018’ bagi menyuntik minat pelajar prasekolah dalam bidang sains dan teknologi.

Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman berkata program itu adalah langkah awal bagi mengatasi masalah kekurangan pelajar dalam jurusan berkaitan Sains di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

“Situasi masa kini amat membimbangkan kerana dianggarkan hanya 26 peratus pelajar memilih jurusan berkaitan sains di universiti tempatan. Melalui program ini pelajar prasekolah mendapat pendedahan kepada teori sains secara interaktif untuk menerapkan minat terhadap

sains,” katanya.

Beliau berkata kerancakan pelaksanaan program bidang disiplin Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) oleh pelbagai pihak khususnya institusi tinggi membuktikan bahawa masyarakat mula menyedari kepentingan STEM dalam pembangunan negara.

“Program STEM yang sering dianjurkan hanya terhad kepada pelajar sekolah rendah dan menengah sahaja. Oleh itu kami mengambil pendekatan berbeza dengan memfokuskan pelaksanaan program ini kepada pelajar prasekolah,” katanya.

Pengerusi Program, Dr. Haslina Ahmad berkata, program ‘Science Exploration Day 2018’ yang kali kedua diadakan itu

disertai 85 pelajar prasekolah Tadika Cahaya Ceria (Qdees) 16 Sierra bagi membantu membangunkan kemahiran pelajar prasekolah seperti koordinasi dan ketepatan.

“Pelajar ini teruja apabila kami melakukan eksperimen sains yang ringkas. Mereka suka apabila dapat memahami sesuatu kejadian dalam kehidupan seharian dan dapat menggunakan istilah sains untuk menerangkannya,” katanya.

Sementara itu, lapan pameran STEM dibuka bagi membantu kanak-kanak prasekolah memahami konsep sains asas seperti Kimia dan Fizik. Mereka turut didedahkan kepada proses pembedahan katak secara langsung serta lawatan ke Muzium Biologi, Fakulti Sains. - UPM



## FS bantu pelajar minat subjek Fizik

Oleh Muhammad Naziff Ahamad Said

**SERDANG** - Seramai 174 orang pelajar dari 11 buah sekolah menengah Wilayah Persekutuan Putrajaya menyertai Kem Fizik 4 U 2018, program bagi memupuk minat dan meningkatkan prestasi pelajar dalam mata pelajaran Fizik, baru-baru ini.

Program itu dianjurkan Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi pasukan ‘Putra Outreach Physics’ dengan kerjasama Unit Sains dan Matematik Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) Putrajaya serta panitia fizik sekolah-sekolah menengah Putrajaya.

Program itu mendapat suntikan idea ketua pasukan Putra Outreach Physics, Dr Yap Wing Fen yang juga pensyarah kanan di Jabatan Fizik, Fakulti Sains, UPM. Beliau dibantu oleh 34 orang ahli Kelab Mahasiswa Fizik, Fakulti Sains, UPM dan panitia Fizik semua sekolah putrajaya diketuai Mohd Fahmi Junid.

Dr Yap berkata, menurut kajian, purata pelajar sekolah menengah mengatakan subjek Fizik terlalu rumit dan terlampau banyak konsep yang perlu difahami.

“Pelajar sekolah menengah sering merumitkan cara mereka untuk memahami sesuatu konsep dan formula Fizik sedangkan mereka lupa itu adalah cara hidup mereka.

“Dengan menganggap Fizik sebagai cara hidup dan mengamalnya, pelajar sekolah akan lebih mudah memahami sesuatu konsep dan seterusnya



cemerlang dalam mata pelajaran Fizik, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),” katanya.

Putra Outreach Physics yang bermoto “*Transfer, Transverse, Transform* (Memindah, Melintas dan Mengubah)” menggunakan pendekatan yang berfokuskan pelaksanaan aktiviti secara hands-on. Peserta diberi peluang menyaksi, mengalami sendiri serta mempelajari konsep yang berlaku dalam kehidupan seharian serta menyertai pelbagai aktiviti *Outdoor*.

Antara aktiviti itu ialah “The Amazing Race” yang menggabungkan kecergasan fizikal dan pemikiran analitikal untuk menyelesaikan permasalahan Fizik di stesen-stesen eksperimen.

Dekan Fakulti Sains UPM, Prof. Dr. Mohd Basyaruddin pula berkata, program tersebut berupaya mengasah kemahiran insaniah (soft skills) fasilitator UPM jurusan Bachelors Sains (Kepujian) dalam kemahiran komunikasi, kemahiran berpasukan, pembelajaran berterusan, pengurusan maklumat serta pemikiran kritis

dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Katanya, program itu juga mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai kesedaran dan tanggungjawab yang tinggi terhadap komuniti dan masyarakat setempat.

Wakil fasilitator, Muhammad Ahnaf Sharifulazman berkata, mahasiswa Tahun 3 Bachelors Sains (Kepujian) Sains Instrumentasi Jabatan Fizik berkata, menerusi program itu, fasilitator boleh menyampaikan ilmu dan membantu pelajar memahami konsep fizik dengan betul.

Seorang peserta Muhammad Arif Musthaba dari SMKA Putrajaya berkata program itu memupuk minat peserta melalui pembelajaran yang dinamik.

“Program ini juga meningkatkan produktiviti peserta melalui aktiviti yang memupuk semangat kerjasama berpasukan.

“Persepsi saya terhadap fizik telah berubah setelah mengikuti program ini. Terima kasih kepada semua fasilitator dan Dr. Yap,” katanya.

## i-MeX PKU percepat daftar pelajar baharu

> Dari muka 6

semasa pelajar,” katanya, sambil menjelaskan pelajar antarabangsa juga wajib menjalani pemeriksaan kesihatan di PKU.

Beliau berkata, pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sepenuhnya di PKU untuk memastikan laporan kesihatan pelajar adalah sahih.

Semua maklumat kesihatan itu terpelihara kerahsiaannya selaras dengan pematuhan kepada

Information Security Management System (ISMS).

“Tempoh masa pemeriksaan kesihatan ini telah berjaya dikurangkan kepada satu setengah bulan daripada tiga bulan bagi pelajar pra-siswazah yang membabitkan kira-kira 3,000 pelajar, manakala untuk pelajar asasi kepada seminggu berbanding tempoh sebulan sebelum ini,” katanya.

Mengenai Anugerah Emas yang dimenangi pada RTEEx 2018 Wilayah Tengah itu, Dr. Suhyna berkata, beliau tidak menjangkakan kemenangan itu memandangkan persaingan yang cukup hebat daripada agensi kerajaan dan swasta yang lain. Bagaimanapun beliau sangat bersyukur kerana dapat membantu mengharumkan nama UPM.



Karnival Jom Sains  
rangsang minat pelajar >7

FS bantu pelajar tingkat  
minat Fizik >7

UPM - Malayan Flour Mills  
tingkat industri ayam  
broiler>6

93 Julai - September 2018  
www.tribunputra.upm.edu.my

**TribunPUTRA**  
Pertanian • Inovasi • Kehidupan PP10540/10/2012/(031020)

««««« **Pencapaian**



## Serdang Angels pertahan Kejuaraan Ragbi Super 8 IPT

Oleh Muhammad Al Amin

SERDANG, 23 Sept - Pasukan ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Angels mudah mempertahankan Kejohanan Ragbi Super 8 IPT apabila cemerlang membenam cabaran seteru utama UiTM Lions 30-12 pada perlawanan akhir Kejohanan Ragbi Super 8 IPT di Stadium UPM, di sini.

Kejuaraan ini sekali gus mengekalkan dominasi UPM Serdang Angels yang merangkul gelaran juara untuk kali kelima berturut-turut semenjak kejohanan itu diperkenalkan pada 2014.

Pasukan UPM yang dibarisi tujuh pemain kebangsaan tidak berdepan masalah untuk mencatat

kejayaan edisi 2018 ini.

‘Try’ pertama UPM Serdang Angels hadir melalui pemain forward Mohd Nurazman Ramli seawal minit ke-4, disusuli ‘try’ kedua oleh Wan Izzudin Ismail pada minit ke-13.

Mata UPM Serdang Angels berikutnya hadir melalui conversion Mohd Faizal Tahir, dan ‘try’ oleh Mohamad Syarif Saiful Azwan Sudin serta Faat Hor Rozi Ismail.

Dua ‘try’ UiTM Lions pula dilakukan oleh Luqman Nurhakim dan satu conversion melalui Mohamad Fais.

UPM Serdang Angels membawa pulang hadiah kejuaraan

RM5,000 dan Piala Pusingan.

Pemain UPM Serdang Angels Mohamad Khairil Abdillah dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Perlawanan akhir, Mohamad Syarif Saiful Azwan Sudin sebagai Pemain ‘Forward’ Terbaik perlawanan akhir, manakala Faat Hor Rozi Ismail sebagai Pemain ‘Backline’ Terbaik perlawanan akhir.

Kejohanan Ragbi Super 8 IPT 2018 disertai lapan pasukan iaitu UPM Serdang Angels, UiTM Lions, Politeknik Malaysia, UM Blues, UniKL Ragbi, MASKOM Eagles, UTP Drillers dan IUM Mustangs. Ia berlangsung dari 17 hingga 23 September di UPM.

## Pelajar Fakulti Kejuruteraan 1 Raih Ketiga Tower Crane

Oleh Khairul Anuar Muhamad Noh

KUALA LUMPUR, 7 Julai - Kumpulan pelajar tahun satu Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Tower Crane 2018.

Objektif pertandingan itu ialah untuk memberi pendedahan berkaitan kestabilan struktur dan mekanisma menara kren, dimana peserta perlu membina menara

kren yang kukuh menggunakan kertas surat khabar.

Selain pasukan tahun pertama UPM, pasukan tahun kedua pengajian yang sama juga merupakan antara 12 pasukan institusi pengajian tinggi yang menyertai pertandingan yang dibuat di Universiti UCSI Kampus Kuala Lumpur.

Pasukan yang dikenali dengan nama Putra Tower pelajar tahun pertama itu terdiri daripada Nor Azraei Nor Kadim (Ketua Pasukan), Muhammad Akmal Arman Saiful Madzi, Muhammad Syafiq Misnawi, Mohd Fazli Abd Rashid dan Mohamad Razeen Iqbal Roslan. Info lanjut layari <https://web.facebook.com/admin.civil.eng.upm/>



## Wen Shin Chia terima Queen’s Young Leaders Award daripada Ratu Elizabeth

Oleh Azman Zakaria

SERDANG, 25 Julai - Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Wen Shin Chia merakam detik sejarah dan menjuang nama UPM apabila dipilih menerima Queen’s Young Leaders Award daripada Her Majesty Queen Elizabeth II di Istana Buckingham, London baru-baru ini.

Anugerah itu adalah pengiktirafan terhadap usaha dan kerja-kerja yang dilakukan oleh golongan belia dan remaja di negara-negara Komanwel yang berjaya mencorakkan kehidupan masyarakat.

Wen, 26, menerima anugerah itu atas usaha dan kerja yang dilakukannya dalam menangani pencemaran. Beliau menerima anugerah berkenaan pada 26 Jun lalu.

“Saya amat bersyukur kerana terpilih untuk menerima Queen’s Young Leaders Award. Perasaan saya amat gembira, ia tidak dapat saya gambarkan dengan kata-kata... saya amat berterima kasih kerana diberi peluang untuk menjadi antara kalangan mereka yang terpilih dalam kumpulan pemimpin muda yang menggabungkan ini.

“Anugerah yang diterima ini menambahkan lagi keyakinan saya untuk terus bekerja bersungguh-sungguh dan terus menabur berbakti,” katanya yang pernah menuntut di Fakulti Pengajian Alam Sekitar UPM.



Beliau berkata, tidak pernah terlintas di hatinya selama ini yang beliau akan menerima anugerah daripada Her Majesty Queen Elizabeth II, apatah lagi di Istana Buckingham.

Katanya, pekerjaannya tidak menentu selepas mengambil keputusan berhenti kerja beberapa tahun lalu, untuk mengendalikan syarikat bermatlamatkan impak, Green Yards.

Syarikat itu menjalankan usaha untuk mengurangkan pencemaran air dengan menyediakan platform untuk masyarakat mengitar semula minyak masak yang sudah digunakan. Pihaknya mengumpul minyak itu dan memprosesnya menjadikan sabun-eko dan lilin.

Menurutnya, ada ketikanya terlintas dalam fikirannya untuk tidak meneruskannya usaha itu tetapi atas sokongan semua, beliau menanam tekad meneruskan usaha di Green Yards.

Wen adalah antara 240 golongan pemimpin muda dari 53 negara Komanwel yang berusaha menjadikan dunia tempat kediaman yang lebih baik.

Queen’s Young Leaders 2018 itu adalah pengiktirafan bagi usaha-usaha mencari penyelesaian yang dijalankan terhadap isu-isu global seperti perubahan iklim dunia, kekurangan sumber makanan, keganasan berasaskan jantina, penyakit mental, dan peluang mendapatkan pendidikan.

## Prof. Dr. Taufiq terima Anugerah Khas Ma’al Hijrah (Pendakwah)

Oleh Azman Zakaria

SERDANG, 21 Sept - Pensyarah di Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin menerima Anugerah Khas Ma’al Hijrah (Pendakwah) 1440H/2018M peringkat Wilayah Persekutuan, baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah itu yang disampaikan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mujahid Yusof di Kompleks Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur pada 20 September lalu.

Prof. Dr. Taufiq, 50, menerima sijil, plak dan wang tunai RM3,000.

Beliau sebelum ini pernah menerima anugerah Mualidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada

2017, dan Tokoh Maal Hijrah Negeri Selangor (kategori Saudara Kita) pada 2012.

Katanya, beliau terharu dan bersyukur kepada Allah dengan anugerah yang diterimanya itu.

“InsyaAllah, saya akan terus secara istiqamah berkongsi keindahan Islam kepada seluruh manusia,” katanya.

Pada masa yang sama, katanya, semua umat Islam mesti menjaga dan memelihara akhlak sesuai dengan ajaran Islam.

Prof. Dr. Taufiq, adalah juga Ketua, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Katalisis, UPM, dan Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA).

Antara anugerah dan pencapaiannya ialah Anugerah Saintis Muda Negara (2007), The Outstanding Young Malaysian Award (2008), dan Top Malaysian Scientist 2004. - UPM



**TribunPUTRA** Editorial Tribun Putra

Tribun Putra  
Editorial Tribun Putra  
Tribun Putra diterbitkan oleh Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi (CoSComm), Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai berita, rencana, laporan semasa berkaitan pendidikan dan penyelidikan UPM. Surat dan kiriman artikel hendaklah di alamatkan kepada:

**Editor Tribun Putra**  
Pejabat Strategi Korporat & Komunikasi (CoSComm)  
Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor

**PENASIHAT** • Prof. Dr. Rusea Go **EDITOR** • Khairul Anuar Muhamad Noh **PENOLONG EDITOR** • Faiz Hamzah **WARTAWAN** • Azman Zakaria • Noor Eszereen Jufri • Faiz Hamzah • Hendra Rijal **PENULIS BERSEKUTU** • Muhd Nazri Md. Yasin **JURUFOTO** • Marina Ismail • Noor Azreen Awang • Muhd Hasrul Hamdan **PENYELENGGARA ONLINE** • Rosliza Ibrahim **PEMBANTU PENGEDARAN** • Suhaimi Yaakub

Keutamaan pemilihan berita dan foto dalam akhbar Tribun Putra ialah berita korporat yang memaparkan pencapaian utama UPM dan berita yang paling berimpak tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Berita yang tidak terpilih untuk disiarkan dalam akhbar Tribun Putra akan disiarkan dalam berita laman web rasmi UPM. Pemilihan berita dan foto ialah hak eksklusif Editorial Tribun Putra.

**Telefon** : 03-8946 6189 • **Faksimili** : 03-89422609, 03-8946 8972 • **Emel** : khal.upm@gmail.com

**Diterbitkan oleh** Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, Tingkat 3, Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor  
**Dicetak oleh** UKM CETAK SDN. BHD. Aras bawah, Bangunan Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650, Bangi Selangor.